

Kewajipan dan Tanggungan Kita Kepada Masyarakat Membazir (Boros) dan Hutang

“...hujung jalan yang bertembung kepada Si Pemboros itu tidak lain hanyalah dua keputusan: Pertama menipu dan berkhianat rakan atau majikannya atau kepada sesiapa jua yang mengamanahkan sesuatu kepadanya, atau menerima suap daripada orang-orang yang hendakkan faedah daripada pangkat jawatannya”. Kata penulis rencana ini dalam huraianannya- P.Q.

(Oleh ‘Abd al-Lāṭif al-Hāshimī, Kuala Lumpur)

Al-tabdhīr, al-Isrāf atau boros menurut erti kata yang menjadi suatu tegahan yang diharamkan oleh Islam, ialah membelanjai harta atau sesuatu yang sangat berharga dengan melampaui batas kepatutan pada membelanjakan harta itu. Cukuplah bagi dibayangkan betapa besarnya kesalahan perbuatan boros. Dari sepetah daripada berpuluh-puluh ayat al-Quran yang memberi ingatan keras terhadap berboros, firman Allah: “*wa lā tabdhīr; an al-mubadhīrin kānū ikhwānu al-shayāṭīn*”, dalam suatu ayat lain dihubungkan kepada al-syaitan: “*An al-shaiṭān kāna lirabbīhi kafūrā*”. Erti kedua-dua ayat ini: “Janganlah kamu boros, sesungguhnya orang yang boros itu ialah rakan-rakan syaitan”, “dan syaitan itu telah derhakan kepada Tuhan.” Allahu subhanahu wa Ta’āla telah membandingkan dalam ayat yang pendek ini, bahawa orang yang boros itu rakan syaitan yang derhaka kepadanya. Ngeri dan dahsyat sungguh bandingan ini. Mengapa begitu berat sekali pandangan agama terhadap perbuatan boros? Apakah Islam tidak suka orang-orang berbelanja dengan murah dan dermawan? Jawabnya bukan demikian, dan bukan agama tidak suka membelanja harta dengan murah. Agama Islam menyuruh pemeluknya jadi

pemurah dan penderma akan harta benda bahkan jiwa pun pada jalan kebenaran dan kebajikan agama. Akan tetapi Islam melarang keras membuang harta dengan membazir atau boros ialah kerana akibat yang mesti terjadi kepada orang yang boros itu sangat dahsyat dan mengerikan. Akibat dari boros itu bukan sahaja tertimpa kepada dirinya akan tetapi juga kepada familinya yang tak berdosa dan kepada masyarakat Islam di sekelilingnya. Nafsu sentiasa membisikkan orang kepada cintakan kemewahan dan kelazatan hidup yang berlebih-lebihan, hingga melupakan Allah dan lupakan dirinya sendiri sebagai makhluk Allah yang bertanggungjawab di antara manusia yang lain kemewahan yang lebih-lebihan ini termasuklah pada makanan, nafsu kejenisan, pakaian, rumah tangga, kenderaan dan sebagainya.

Kebiasaan kemewahan seperti ini menjadikan orang lupa akan adanya di sekelilingnya dalam masyarakat beberapa banyak orang-orang yang berhajat kepada tiap-tiap sesen yang diboroskannya, untuk menahan lapar dan dahaga mereka. Nafsu sudahlah diketahui pada umum sebagai tiada bermata dan bertelinga dan manakala diturut nafsu itu

sampailah orang itu kepada suatu lautan tak bertepi dan hatta pada suatu masa ia kekurangan wang- pun bisikan nafsu itu tetap mempengaruhinya. Ia membisikkan kepada hati, Oh-mengapa takut berbelanja-nanti malu, dikata kawan-kawan tidak gentleman, lokek, sudah bankrupt, sudah queen control-sekarang tak berani berbelanja lagi kawan-kawan syaitan pun segera sahaja menunjuk jalan baharu kepadanya bagaimana dan di mana boleh dapat wang untuk diboroskan. Itu di sana ada ceti, ada Benggali, ataupun buat sementara boleh pinjam gadaikan barang-barang isteri, adik kakak, atau jiran-jiran. Sekali kenal kepada ceti, kepada Benggali, mulailah hatinya gundah, risau dan ikhtiar-ikhtiar pun datanglah kepada otaknya mencari jalan yang mudah mendapat wang bagi dibayarkan kepada tuan hutangnya.

Syaitan pun segera merasuk hatinya yang telah mula tidak bersih itu, bahawa jalan yang lekas menjadi kaya atau mendapat wang ialah cuba-cuba berjudi, mengadu untung dan bertaruh dalam lumba kuda. Menggolek-golek bola dalam taman-taman hiburan, atau membeli tiket-tiket loteri. Judi maknanya bertaruh nasib bagi satu peluang daripada seribu atau lebih. Tegasnya satu peluang dalam satu million harapan. Akhirnya ia akan meminjam barang-barang mas isteri lagi, berjumpa ceti dan Benggali lagi, mengorek lubang-lubang hutang yang baharu untuk menutup yang lama. Hujung jalan yang akan bertembung kepada Si Gentleman pemboros ini tidak lain hanyalah dua keputusan, pertama menipu dan berkhiatan kepada rakan-rakan atau majikannya atau kepada sesiapa jua yang mengamanahkan sesuatu kepadanya, atau menerima apa daripada orang-orang yang hendakkan faedah daripada pangkat jawatannya. Satu jalan lagi ialah, dengan seutas tali, sepucuk pistol, sebilah pisau tajam, terjun dari tempat tinggi, terjun ke dalam gaung-gaung atau lautan dan sungai yang deras- ia membunuh diri menghabiskan riwayat hidupnya dengan tangannya.

memandang kepada kedua akibat ini iaitu hancur lebur maruah, dan kehidupan Si Pemboros dan mengambil jalan sesat membunuh diri, maka Islam menegah dengan tegasnya akan orang-orang memboroskan harta benda, dan memberi peringatan keras akan keburukan perbuatan boros dengan menyamakannya dengan syaitan yang derhaka. Apakah yang boleh didapati oleh orang-orang di dalam masyarakat itu daripada orang yang telah lebur maruahnya? Melainkan hanyalah penipuan, khianat dan bermuka dua.

Sekarang marilah kita periksa apakah jenis boros dan bagaimana rupanya. Islam telah menjelaskan perbuatan boros itu dari sekecil-kecil perkara hingga ke sebesar-besarnya. Meringkaskan penerangan ini baiklah diambil perkara boros yang mengenai harta dan wang ringgit. Firman Allah –“Ya aiyyuhā al-ladhīna ‘āmanū kulū wa ashribū walā tasrafū”. Ertinya, “Wahai orang-orang mukmin, makan dan minumlah, akan tetapi jangan terlalu berlebih-lebihan”. Dalam ayat lain Allah berfirman: “Wa lā taj‘alu yadika maghlūlat ilā ‘aniqika wa lā tabsīḥā kullu al-baṣṭ fataq‘id malūmā maḥsūrā”. Ertinya, “Janganlah terikat tanganmu ke tengkukmu (bakhil), dan jangan pula kamu bukakan tanganmu terlalu luas (boros) dengan perbuatan itu-sama ada bakhil atau boros-maka kamu akan hidup dicela orang-kerana bakhil itu-dan rugi hidupmu-kerana boros itu.” Termasuklah pada maksud ini, bahawa membeli dan menggunakan makanan dan pakaian dengan berlebih-lebihan itu jua boros namanya, terlalu banyak membuang wang kerana belanja kawan-kawan ke panggung wayang, bersiar-siar berpicnic ke sana ke mari. Apatah lagi membuat maksiat, dengan mengeluarkan wang dan harta, semuanya ialah dari jenis boros namanya. Dalam perkara boros ini, Rasulullah ṣalallahu ‘alaihi wasalam pernah menegur seorang yang berwuduk dengan memakai air yang banyak-itupun boros jua namanya. Menurut mazhab imam-imam dan perkataan-perkataan ulama

bahawa makruh bahkan haram berwuduk berlebih-lebihan air, walau berwuduk dalam sungai dan laut sekalipun. Mengapa Rasulullah mengambil perhatian pada membazir yang sekecil ini? Dan ulama Islam pun merasa boros menggunakan akan merugikan sesiapa pun kalau dibuang-buang? Sebabnya boros pada perkara-perkara yang sebegini pun diambilnya berat oleh Islam ialah kerana mendidik dan membiasakan umat Islam tahu bercermat jimat pada tiap-tiap perkara di dalam kehidupannya. Tiap-tiap gerak langkah dan pekerjaan hendaklah dihalusi akan akibat buruk baiknya. Tiap-tiap amal dan harta benda hendaklah digunakan pada tempatnya yang dipuji oleh Allah dan Rasul. Cubalah tanya orang-orang yang berhutang, yang dihempap oleh beban hutang, yang berselekeh dengan hutang silih berganti menganiayanya, yang terbenam di dalam lubang hutang hingga ke hujung hidungnya, tanyalah mereka apakah punca dan sebab musababnya mereka terkecewa dengan kesedihan berhutang itu. Tuan akan mendapat jawapan mereka serupa sahaja iaitu mereka tersalah belanja, tidak cermat menghitung perbelanjaan atau lebih terang boros pada membelanjakan wang.

Keborosan itu terkadang-kadang pada pekerjaan yang boleh dikatakan berasal dari perkara “amal baik” seumpama kenduri besar untuk meraikan perkahwinan anak, kenduri-kenduri arwah, jamuan besar untuk dif-dif “yang terhormat”, mengkhathan anak, dan lain-lain upacara kenduri kendara yang dibuat dengan meriah kerana menjaga nama baik, selain dari itu, kekecewaan itu datangnya dari nafsu gemarkan kemewahan hidup yang berlebih-lebihan hingga tak insaf akan kecil pendapatannya, apatah lagi ahli-ahli pemboros yang membuang wang kerana kerja-kerja maksiat, mereka terikut-ikut melihat orang kaya-kaya yang boros lalu cuba berbelanja royal pula dan akhirnya terjerat ke dalam jebak hutang yang tak akan dapat terlepas lagi daripada

jerutannya mengenai kebodohan ini, orang-orang tua kita ada membuat bidalan pepatah- melihat gajah berak besar, sang kancil pun cuba berak besar, sakitlah badan awak dibuatnya.

Berhutang bererti menerima dan menyimpan amanah orang, yang mesti dikembalikan balik kepada tuannya pada bila-bila masa. Hutang ialah jua suatu persangkutan di antara seseorang dengan seorang yang lain tidak putus hingga ke akhirat. Orang yang berhutang seakan-akan telah menyerahkan kemerdekaan dan kehormatan dirinya kepada orang lain selama ia di dalam ikatan hutang itu. Orang boleh bertaubat meminta ampun daripada Allah akan segala kesalahannya, melainkan hutang. Terpaksalah mereka berselesai sesame sendiri terlebih dahulu. Kerana Allah telah memberi hak-hak itu kepada tuan punya harta yang menghutangkan. Perkara ini dijelaskan oleh Allah Subhānahu wa Ta‘āla dalam suatu ayat untuk panduan manusia dalam hal-hal berhutang, firman-Nya “*Min ba‘di wa şiyata yūşī bihā au dīna*”. Ertinya, “Pusaka-pusaka Si Mati bolehlah dibahagikan di antara waris-waris....yang berhak sesudah dibayarkan lebih dahulu wasiat Si Mati atau hutang-hutangnya”. Sebab itu bolehlah dikatakan seolah-olah orang yang banyak hutangnya itu telah tiada memiliki lagi akan badan dan maruahnyanya.

Adapun jalan yang dianjurkan oleh Islam dalam membelanjakan harta ialah jalan tengah di antara boros dan bakhil. Jalan tengah inilah yang disebut-sebut orang sebagai ekonomi pada perbelanjaan, pada menggunakan masa, dan pada memimpin pergerakan: “*Khair al-umūr ‘usāḥāhā*”. (Sebaik-baik perkara ialah pertengahannya). Bahawa manakala sudah jelas akan akibat penyakit boros itu, maka tiap-tiap orang Islam wajiblah kembali semula kepada jalan betul iaitu berjimat pada membelanjai harta, pada menggunakan masa dan segenap perkara hendaklah dengan cermat dan teliti. Sekali jalan tersalah, dua kali jalan tahu, dan orang mukmin yang benar itu tidak akan digigit ular dua kali pada satu lubang.